

Projek pembesaran jalan tidak sesuai

- **Johari maklumkan DBKL perlu hantar surat rasmi kepadanya sebagai wakil rakyat di situ**
- **Beri kesan kepada keselamatan penduduk di Desa Pandan terutama pelajar sekolah**

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Projek pembesaran jalan dalam kawasan Desa Pandan di ibu negara bagi memberi laluan kepada kenderaan berat tidak sesuai kerana jalan di situ merupakan kawasan perumahan.



JOHARI ketika ditemui pemberita di Blok E 16, Jalan 2/76, Desa Pandan, Kuala Lumpur kelmarin.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, struktur jalan di kawasan berkenaan tidak mampu menampung lori besar serta treler.

“Pelebaran jalan yang melibatkan jalan dalam Desa Pandan ini akan memberi kesan keselamatan kepada penduduk flat, anak-anak Sekolah Kebangsaan Desa Pandan, sekolah KAFA (Kelas Agama dan Fardu Ain) serta peniaga-peniaga kecil di sini.

“Keselamatan penduduk terutama anak-anak kecil akan lebih bahaya.

“Oleh kerana inilah, penduduk dan peniaga di sini tidak bersetuju dengan projek ini,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kelmarin, Johari menggesa Dewan Kuala Lumpur (DBKL) meneliti semula rancangan merobohkan sembilan gerai penjaja di Desa

Pandan bagi memberi laluan kepada kerja pelebaran jalan.

Menurutnya, laluan terbabit adalah jalan dalam dan para peniaga tersebut telah menjalankan perniagaan secara sah di kawasan itu selama bertahun-tahun.

Beliau telah bertemu dengan pihak DBKL sebelum ini dan menyuarakan kebimbangan penduduk serta peniaga mengenai projek tersebut.

Katanya, sekiranya DBKL tetap mahu meneruskan projek berkenaan, mereka seharusnya perlu maklum dengan menghantar surat rasmi kepadanya selaku wakil rakyat kawasan itu.

Bagaimanapun, katanya, tanpa sebarang pemakluman, DBKL telah melantik kontraktor projek itu tanpa melibatkan sebarang sesi libat urus susulan bersama beliau, penduduk dan peniaga.